

VDI wujudkan fleksibiliti, latih pengguna jadi mahir tanpa berada di lapangan

Oleh **BERNAMA** - Oktober 17, 2023 @ 10:27am



- Foto BERNAMA

PEKAN: Sebagai seorang penuntut universiti, kebebasan menyiapkan tugas pada waktu sendiri tanpa perlu meninggalkan bilik atau menunggu giliran menggunakan komputer antara kemudahan yang diimpikan.

Impian tersebut, kini boleh direalisasikan menerusi penggunaan Infrastruktur Desktop Maya atau Virtual Desktop Infrastructure (VDI) yang ditawarkan peneraju industri penyediaan penyelesaian digital H3C Malaysia (H3C).

Pengarah Pembangunan Perniagaan H3C, Adam Rahimin, berkata VDI adalah teknologi yang membolehkan fleksibiliti dalam infrastruktur teknologi maklumat (IT) dengan menyokong model kerja dari jauh atau hibrid dari lokasi yang mempunyai talian Internet.

"VDI membolehkan penggunanya sama ada pekerja atau pelajar melakukan tugas dengan lancar kepada aplikasi menggunakan peranti seperti desktop, komputer riba atau telefon pintar dari mana-mana lokasi dengan akses Internet, yang mencipta ruang kerja digital peribadi.

"Transformasi ini bukan hanya mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, tetapi juga menjadikan penggunanya sebagai sebahagian tenaga kerja mudah alih yang secara tidak langsung melatih mereka bekerja dengan cekap walaupun tidak berada di lapangan," katanya.

Adam ditemui semasa meninjau pelaksanaan Hari Terbuka VDI di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) di sini, dengan lebih 30 pelajar serta pensyarah menjadi antara individu terawal universiti merasai pengalaman menggunakan aplikasi tersebut.

H3C yang beroperasi sejak 2019 menawarkan portfolio penuh produk infrastruktur digital seperti pengiraan, storan, rangkaian, 5G, keselamatan dan terminal serta menyediakan platform digital sehenti yang komprehensif termasuk pengkomputeran awan, data raya, kecerdasan buatan (AI), Internet industri dan keselamatan maklumat.

Ditanya mengenai keselamatan data, Adam berkata, VDI berkeupayaan meningkatkan keselamatan dengan memusatkan data sensitif dalam persekitaran pusat data terkawal, sekali gus meminimumkan risiko pelanggaran data dan mewujudkan infrastruktur IT yang lebih selamat.

"H3C juga terlibat dalam penyediaan infrastruktur keselamatan termasuk pembuatan tembok api, menjadikan keselamatan adalah satu daripada elemen paling penting dalam teknologi kami.

"Untuk menggunakan VDI, aplikasinya perlu dimuat turun daripada penyedia perkhidmatan dengan setiap pengguna akan menerima ID (pengenalan diri) dan kata laluan serta profil tersendiri.

"Hanya mereka yang diberi kebenaran atau kuasa yang dapat mengakses kepada data di server," katanya.

Sementara itu, Pengarah Unit Jualan Kerajaan Fortesys Sdn Bhd (Fortesys) Muhammad Hariz Ishak berkata VDI bukan hanya sesuai digunakan institusi pendidikan, sebaliknya boleh dimanfaatkan oleh pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, swasta dan perniagaan.

Sebagai contoh, Muhammad Hariz berkata VDI boleh dilaksanakan untuk penyimpanan rekod, pendaftaran dan data yang melibatkan kesihatan, pihak berkuasa tempatan dan juga perpustakaan.

Bagi membolehkan penggunanya mendapat pengetahuan dan pengalaman penuh mengenai VDI, Muhammad Hariz berkata Fortesys bekerjasama dengan H3C dalam menyediakan latihan, sokongan dan menyusun strategi penggunaan VDI untuk disesuaikan dengan pengguna.

Fortesys yang beribu pejabat di Selangor, merupakan pakar dalam menyediakan penyelesaian rangkaian digital dan telah berkecimpung dalam industri ini sejak 2008.

Sementara itu, Ketua Pegawai Maklumat UMPSA Prof Madya Dr Mohamed Ariff Amedeen berkata penggunaan VDI di universiti itu bermula sejak 2022 melibatkan dua fakulti dengan pelaksanaannya berpotensi untuk diperluaskan ke lebih banyak fakulti.

"Pelaksanaan VDI adalah selari dengan niat pemodenan dan transformasi digital yang sedang dan antara keutamaan pihak universiti. Setakat ini, pelaksanaan VDI berjalan lancar dengan kita tidak menerima aduan daripada pelajar yang teruja untuk menjadi sebahagian daripada perkembangan teknologi.

"Pelajar merasakan VDI memudahkan dan menjadikan mereka fleksibel kerana boleh menyambung tugas pada waktu yang dikehendaki tanpa kembali ke makmal atau kelas kerana data di pelayan boleh diakses pada bila-bila masa," katanya.

Senada ialah Pengarah Pusat Teknologi Digital UMPSA Mohd Rashid Abu Bakar yang turut menyifatkan penggunaan VDI juga memudahkan pensyarah dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, selain memupuk persekitaran pembelajaran lebih interaktif dan kolaboratif.

Penggunaan VDI, menurut Mohd Rashid juga dapat menjimatkan kos operasi universiti kerana tidak perlu membeli komputer yang berspesifikasi tinggi di setiap makmal. Teknologi VDI boleh digunakan di makmal-makmal yang bergantung kepada perisian yang memerlukan keupayaan pemprosesan yang tinggi.

Selain itu, VDI juga membolehkan proses pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih proaktif dan peningkatan keupayaan boleh dilaksanakan secara dinamik, ini sekali gus dapat meninggikan kualiti pengajaran dan pembelajaran di UMPSA. –
BERNAMA